

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Tuan Teo Kok Seong  
[ RASAH ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a) mengapakah RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri dianggap sebagai derma politik tetapi bukan rasuah; dan
- b) bagaimanakah pihak penguatkuasa dapat mengenalpasti RM2.6 bilion itu bukan rasuah

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Pertanyaan ini akan di jawab secara serentak bersama dengan pertanyaan-pertanyaan lain yang mempunyai maksud yang sama pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian dalam persidangan kali ini juga.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 OKTOBER 2015  
[ SELASA ]

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status inisiatif skim perumahan sewa-beli yang mula dilaksanakan di sekitar Kuala Lumpur untuk membantu golongan miskin dan miskin tegar untuk memperoleh rumah. Adakah skim ini diwujudkan di negeri Sabah dan apakah rancangannya di Sabah.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Sewa Untuk Beli ( *Rent To Own* - RTO) yang dirancang oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah untuk membantu pembeli-pembeli rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang menghadapi masalah mendapat pinjaman daripada pihak bank. Skim ini dijangka akan mula dilaksanakan bagi pembelian rumah-rumah PPR pada tahun hadapan.